**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**NEGERI PAHANG**
Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000 (WISMA) / 609-565 800 (BSN)
Faks : 609-516 4931 (WISMA) / 609-516 5130 (BSN)
Laman Web : www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang

*Ruj. Tuan :*

*Ruj. Kami :* ANM.PHG.600-15/2/2 (116)

*Tarikh :* 21 Mei 2020

**Senarai Edaran**
**( Seperti di lampiran A)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 2.7.4 Lampiran I: Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan Dan Semakan Laporan (**Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 tahun 2018),** PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan baki di Lampiran I-2** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya.**

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Vot sehingga bulan April 2020 seperti di **Lampiran A.** Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Vot bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan April 2020.**

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Vot yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri).** Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

| | | |
|---|---|---|
| i) | En. Ridzalman Shah bin Ridzuan Shah | (09-5915026) |
| ii) | Pn. Suhaila binti Sulaiman | (09-5915022) |
| iii) | Pn. Noraida binti Alias | (09-5915021) |
| iv) | Pn. Zalina binti Ngah | (09-5915021) |
| v) | Pn. Fatimah binti Sahak | (09-5915026) |

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
***"Pertingkat Inovasi, Terokai Transformasi, Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(JULIA BINTI ABU BAKAR C.A.(M))**
Ketua Penolong Pengarah
b/p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang